

21/06/1999

Ahli Umno diajak bantu Mahathir

WAKIL Kedah, Ismail Tayib, mengajak ahli Umno memberi sokongan kukuh kepada kepimpinan parti dan negara yang berjaya mengatasi kegawatan ekonomi walaupun menghadapi serangan hebat pelbagai pihak di dalam dan luar negara.

Ismail berkata, ahli Umno juga bertanggungjawab membela Perdana Menteri serta memperjelaskan punca sebenar kegawatan ekonomi negara kepada rakyat yang dikelirukan pihak tertentu.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja berjaya menyelamatkan ekonomi negara bahkan kaedah baru pemulihan ekonomi yang diperkenalkan beliau menjadi ikutan negara lain.

"Masalah sekarang ialah ketika Perdana Menteri ke hulu ke hilir dan terbang ke pelusuk dunia untuk mengatasi masalah ekonomi, ada pihak turun ke kampung dan mencerca Presiden kita," katanya.

Beliau yang membahaskan usul ekonomi menamakan Dr Mahathir sebagai "Arkitek Ekonomi Negara" dan memberi anugerah kejayaan Perdana Menteri sebagai "Sistem Ekonomi Mahathir".

Menurutnya, Malaysia terhutang budi kepada Dr Mahathir yang menyelamatkan ekonomi negara dengan tindakan luar biasa serta memulihkan kerosakan akibat dasar bekas Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, dasar dulu yang menyaksikan kadar faedah meningkat sehingga 16.5 peratus dan tempoh hutang tidak berbayar (NPL) dipendekkan kepada tiga bulan menyebabkan kegawatan ekonomi semakin parah dan berpanjangan.

Menurutnya, ramai usahawan Bumiputera yang dibangunkan menerusi Dasar Ekonomi Baru tertiarap dan bankrap akibat dasar bekas Menteri Kewangan itu.

Katanya, tindakan memotong perbelanjaan pembangunan sehingga 21 peratus turut menjejaskan pembangunan di luar bandar serta memberi kesan buruk kepada rakyat.

"Umno Kedah melihat tindakan ini sebagai pengkhianatan kepada bangsa, sebab itu kita mengucapkan syabas kepada Presiden kita kerana mengambil tindakan," katanya.

(END)